

TRINITI MENURUT AGAMA KRISTIAN

Khadijah bt. Mohd. Khambali @ Hambali

Abstract

Christianity as well as Judaism and Islam is known as a monotheism religion. Accordingly in Christianity "Christ" was revealed as a Father for Himself and for the mankind. Through his personality as intermediary between God and the community led to the concept of Father, Son and Holy Spirit as one God. This concept is known among the Christianity as the doctrine of Trinity or Tri-Unity. However, Christianity as always being accepted as a so called religion of the heart based on the concept of Man - God - Jesus but the truly unity of God is a cardinal doctrine of Christianity which is indeed essentially monotheistic. Therefore, this article attempts to describe the doctrine of trinity according to Christians' belief.

Pendahuluan

Jesus Christ, utusan Tuhan yang dipertanggungjawabkan membawa risalah agama Nasrani dilahirkan oleh Mary tanpa bapa telah dianggap sebagai kelahiran yang menakjubkan. Lantaran itu, menurut kepercayaan penganut Kristian, Mary mempunyai kedudukan yang istimewa dalam agama Kristian disebabkan beliau telah terpilih untuk memikul satu tugas yang unik dan telah tersedia untuk Tuhan.¹

¹Mary menurut kepercayaan orang-orang Kristian, telah dipertanggungjawabkan memikul tugas berat - melahirkan Jesus Christ tanpa bapa yang dianggap sebagai penyelamat manusia sejagat daripada memikul dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve. Tuhan telah memilih dan memuliakan Mary - wanita suci daripada wanita-wanita Bani Israil yang lain - untuk melahirkan Jesus Christ yang kemudiannya penganut-penganut Kristian mempercayainya sebagai Anak Tuhan dan Tuhan Anak. Oleh kerana tanggungjawab yang besar dan unik inilah, Mary dikatakan telah tersedia untuk Tuhan iaitu tersedia memikul amanah dan perintah Tuhan untuk melahirkan Jesus

Ekoran daripada ini, penganut-penganut agama Kristian mempercayai Jesus Christ itu Anak Tuhan. Kepercayaan ini dikukuhkan lagi dengan dakwaan daripada St. Paul yang bertanggungjawab merubah dan menyeleweng ajaran sebenar Nabi Isa melalui pengenalan doktrin-doktrin baru ciptaan beliau, syiar-syiar agama yang baru dan isi kandungan Bible yang mengaitkan Jesus Christ sebagai Anak Tuhan dan Tuhan Anak.

Bertitik tolak daripada kepercayaan Jesus anak Tuhan, lahirah pula kepercayaan kepada *Holy Spirit* yang merupakan pembimbing Jesus sebagai Tuhan. Perbuatan mempertuhankan dua makhluk ini iaitu Jesus Christ dan *Holy Spirit/Holy Ghost* serta menyatukan mereka berdua dengan Tuhan sebagai rakan kongsi dalam ketuhanan inilah yang telah melahirkan doktrin trinititi. Melaluinya jugalah akan menjuruskan ke arah kepercayaan Tuhan yang satu. Bagaimanapun sebelum pemutusan trinititi sebagai tunjang akidah agama Kristian kini, ianya telah melalui beberapa proses penggubalan dan perbahasan hangat di kalangan pemimpin-pemimpin agama. Ini disebabkan kekaburan maksud dan hakikat trinititi yang telah menimbulkan pelbagai pentafsiran tentang konsep doktrin tersebut. Paul yang bertanggungjawab memperkenalkan doktrin ini tidak menyatakan konsepnya secara tuntas; hanya mengemukakannya melalui isi-isi kandungan Bible yang digubal khusus untuk memuatkan kepercayaan yang ada hubungkait dengan trinititi.

Untuk menangani masalah ini, beberapa sidang muktamar gereja umum² telah dibentuk untuk menggubal dan memutuskan trinititi sebagai

Christ tanpa bapa. Lihat: Robin Keeley (ed.) *Handbook of Christian Belief*. Lion Publishing, London, 1982, h. 85.

²Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila lihat W.O.E. Oesterley And G.H. Box, *The Religion And Worship Of The Synagogue*, cet. 1, Sir Isaac Pitman & Sons, London, 1907; T.R. Glover, *The Conflict Of Religions In The Early Roman Empire*, cet. 1, Methuen & Co., London, 1909.; Zainal Arifin Abbas, *Perkembangan Pemikiran Terhadap Agama*, cet. 2, Firma Islamiyah, Medan, 1957.; Muhammad Abu Zuhrah, *Muhadarat fi al-Nasraniyyah*, cet. 3, Dar al-Itihad al-Arab li al-Tiba'ah, Kaherah, 1966, Mircea Eliade, *The Encyclopaedia Of Religion*, vol. 15, Macmillan Publishing

akidah Kristian. Terdapat lima peringkat muktamar gereja yang telah diadakan bagi tujuan tersebut dan di antara kelima-lima sidang ini, tiga daripadanya adalah terpenting iaitu Muktamar Gereja Umum Nicea, tahun 325M yang telah memutuskan ketuhanan Jesus Christ. Kedua, Muktamar Gereja Umum Constantinople, 381M yang telah menetapkan ketuhanan *Holy Spirit* dan seterusnya melengkapkan kepercayaan kepada kesatuan Tuhan dan yang ketiga, Muktamar Gereja Umum Chalcedone, 451M yang mengukuhkan lagi kesatuan Tuhan iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan *Holy Spirit* dan dikenali sebagai doktrin trinitas yang membuka ke arah kepercayaan Tuhan yang satu.

Dalil Trinitas

Kenyataan-kenyataan di dalam Bible³ khususnya Bible Perjanjian Baru (*New Testament*), dijadikan dalil dan asas di dalam penggubalan doktrin trinitas. Kenyataan-kenyataan ini saling berkaitan, tidak dapat dipisahkan dan mempunyai maksud yang sama sekalipun terdapat di dalam *gospel* yang berlainan dan menyentuh topik yang berbeza. Hanya struktur ayatnya sahaja yang berbeza.⁴ Dengan ini bererti bukti-bukti atau dalil-

Company, New York, 1987 dan James Hasting, *Encyclopaedia Of Religion And Ethics*, vol. 12. T & T Edinburgh Clark, New York, 1914.

³Bible berasal daripada perkataan Yunani *biblos* atau *bublos* iaitu kulit yang menutupi lembaran-lembaran yang diperbuat dari pohon *papyrus* dan dijadikan sebagai buku di zaman purba. *Biblia* bermaksud buku. Oleh itu Bible merujuk kepada kitab suci penganut Kristian. Bible ini mengandungi dua bahagian terpenting iaitu *The Old Testament* dan *The New Testament*. Setiap bahagian mengandungi beberapa buah buku suci yang dikenali sebagai *Taurah* dan *Gospel* (khabar gembira) - yang merujuk Bible *Old Testament*; dan satu bahagian lagi mengandungi 4 buah *gospel* (khabar gembira): surat-surat kiriman dan wahyu yang merujuk Bible *The New Testament*. Dan setiap bahagian tersebut terbahagi kepada beberapa kategori antaranya sejarah; syair dan kitab nabi yang merujuk kepada Bible *The Old Testament* dan sejarah, pengajaran dan wahyu yang merujuk Bible *New Testament*. Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila lihat: *The Holy Bible New International Version Containing The Old Testament And New Testament*: Grand Rapids, Michigan, 1984.

⁴Umpamanya: *Gospel Mark* 1: 10-11 menyebut (bermaksud): "Sebaik sahaja Jesus keluar daripada sungai itu, beliau nampak langit terbuka dan Roh Tuhan (*Holy Spirit*) turun ke atasnya

dalil tentang persoalan trinitas tidak dapat diperluas kerana bukti yang dikemukakan adalah sama.

Sehubungan dengan itu, bukti yang menunjukkan ketuhanan Jesus Christ, *Holy Spirit* dan Tuhan Bapa ini dapat dilihat melalui kenyataan *Gospel Mark* (1: 10-11) yang menyebut (bermaksud):

Sebaik sahaja Jesus keluar daripada sungai itu, beliau nampak langit terbuka dan Roh Tuhan (*Holy Spirit*) turun ke atasnya seperti seekor burung merpati. Dan suara daripada langit menyatakan: "Engkaulah Anak Ku sendiri yang Ku Kasih. Aku Berkenan Kepadamu".⁵

Melalui dalil tersebut menunjukkan penganut agama Kristian mempercayai trinitas. Kewujudan Tuhan Bapa dinyatakan dengan pengakuan Tuhan Bapa terhadap Tuhan Anak yang dipilih sebagai penyelamat manusia sejagat daripada terus menanggung dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve. Tuhan Anak ini dikurniakan Roh Tuhan (*Holy Spirit*) yang sentiasa menaunginya dan membimbingnya sepanjang Tuhan Anak menjalankan tugas sebagai penyelamat dan pembimbing manusia ke jalan yang direcai Tuhan (Tuhan Bapa).

seperti seekor burung merpati. Dan suara daripada langit menyatakan: "Engkaulah Anak Ku sendiri yang Ku kasih. Aku Berkenan Kepadamu".

Gospel Matthew 3: 16-17 menyatakan (bermaksud): "Setelah Jesus dibaptiskan, dia pun keluar dari sungai itu. Tiba-tiba langit terbuka dan Jesus nampak Roh Tuhan (*Holy Spirit*) turun seperti seekor burung merpati lalu hinggap ke atasnya. Kemudian terdengar suara dari langit mengatakan: "Inilah Anak Ku yang Ku kasih. Aku berkenan Kepadanya".

Lihat juga *Gospel Luke* 3: 21-22 dan *Gospel John* 1: 32-33 yang turut mengemukakan peristiwa yang sama; tetapi berbeza dari sudut struktur ayat.

⁵Lihat juga *Gospel Matthew* 3: 16-17; *Gospel Luke* 3: 21-22 dan *Gospel John* 1: 32-33.

Bukti "kebenaran" trinitas menurut agama Kristian ini diperkukuhkan lagi dengan amanat terakhir Jesus Christ kepada para pengikutnya selepas kebangkitannya dari kubur di hari ketiga selepas pengkebumian dan seterusnya naik ke langit bersemayam di sebelah kanan Tuhan yang menyebut (bermaksud):

Pergilah kepada segala bangsa di mana-mana dan jadikanlah mereka pengikut-pengikutKu. Baptiskan mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Tuhan dan ajarkanlah mereka mentaati segala yang telah Aku perintahkan kepada kamu. Dan ingatlah, Aku akan menyertai kamu selamanya sehingga akhir zaman.⁶

Kenyataan tersebut menyebut bahawa doktrin trinitas adalah akidah yang "benar" dan "perlu dipertahankan". Oleh itu penganut Kristian meyakini trinitas sebagai tunjang akidah yang akan membawa mereka ke arah keredaan Tuhan. Dengan ini mereka mentaati perintah Jesus Christ melalui kesetiaan terhadap trinitas iaitu kesatuan Tuhan yang terdiri daripada Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh (Holy Spirit).

Selain daripada itu, terdapat beberapa dalil lain untuk mengukuhkan kedudukan Jesus Christ dan *Holy Spirit* sebagai Tuhan dan menjadi rakan kongsi Tuhan Bapa. Di antaranya Jesus Christ yang sentiasa dinaungi Roh Tuhan ini berkuasa menghidupkan orang yang telah mati, menyembuhkan pelbagai penyakit dan yang temasyhur adalah penyakit kusta, buta dan lumpuh,⁷ berkuasa menghentikan ribut taufan⁸, memberi makan berpuluh

⁶*The Holy Bible (New Testament): Gospel Matthew 28: 19-20; Gospel Mark 16: 15-18, Gospel John 20: 21-23.*

⁷Sila lihat *Gospel Matthew 5: 17-26, 8: 1-17, 9: 1-8; Gospel Mark 1: 29-34, 1: 40-45, 2: 1-12; Gospel Luke 13: 10-17, 14: 1-6, 17: 11-19 dan Gospel John 4: 46-54, 5: 5-14 dan 9: 1-7.*

⁸*Gospel Matthew 15: 32-39, Gospel Mark: 35-41.*

ribu orang dengan hanya beberapa buku roti sehingga kenyang⁹ dan pelbagai lagi kekuasaan dengan naungan Roh Tuhan dan Tuhan. Penganut Kristian mempercayai segalanya ini hanya layak dilakukan oleh Tuhan sahaja. Ini mengukuhkan kedudukan Jesus yang sentiasa dinaungi Roh Tuhan sebagai Tuhan.

Penganut Kristian juga mempercayai bahawa melalui kepercayaan kepada trinititi ini sahaja akan menjuruskan mereka ke arah mempercayai Tuhan yang satu.

Bukti ini dapat dilihat melalui dialog antara Jesus dan Bani Israil yang termaktub di dalam *Gospel Mark* 12: 29 bermaksud:

Perkara yang utama (paling penting), Jawab Jesus (ialah) "Wahai orang-orang Israil (Bani Israil), Tuhan kita ialah Tuhan Yang Satu. Oleh itu cintailah Tuhan Yang Satu ini sepenuh jiwa raga, fikiran dan kekuatan kamu".

Merujuk kenyataan tersebut, Jesus Christ memberi ingatan dan amanat terakhir kepada pengikutnya agar terus meyakini Tuhan Yang Satu kerana ianya adalah perkara utama dalam soal kepercayaan trinititi. Biarpun Tuhan itu adalah Tuhan Moses (Musa), Abraham (Ibrahim), Isaac (Ishak) dan nabi-nabi yang lain, Tuhan yang diyakini adalah satu dan kekal abadi. Dalam soal ini, kepercayaan agama Kristian kepada Tuhan Anak dan Roh Tuhan adalah jambatan ke arah mempercayai Tuhan yang satu. Justru itu, bukti tentang Tuhan yang satu ini tidak dicampuradukkan dengan topik yang lain kerana kedudukan Tuhan yang satu. Bagaimanapun pendalilan tentang Tuhan yang satu tersebut didahului dengan dalil-dalil kepercayaan kepada trinititi.¹⁰ Oleh itu jalinan kenyataan yang didahului oleh kepercayaan kepada trinititi dan seterusnya Tuhan yang satu sebagai bukti

⁹*Gospel Mark* 8: 1-10, *Gospel John* 6: 1-15.

¹⁰Sila rujuk Bible *The New Testament*. Secara keseluruhannya disusun sedemikian.

kukuh "keabsahan" trinitas yang membawa ke arah kepercayaan Tuhan yang satu.

Agak jelas dalil-dalil ini sebagai bukti kukuh kepada "keabsahan" akidah trinitas yang berligar kepada kepercayaan kepada Tuhan Bapa (God The Father), Tuhan Anak (God The Son) dan Tuhan Ruhul Qudus (God The Holy Spirit) yang menjuruskan penganut Kristian ke arah mempercayai Tuhan yang satu (Tuhan Bapa) tadi.

Konsep Trinitas

Untuk memahami ketuntasan konsep trinitas, beberapa pandangan sarjana Barat yang mewakili kepercayaan agama Kristian keseluruhannya¹¹ dikemukakan bagi tujuan melihat hakikat trinitas.

Menurut Dr. Joseph Post, trinitas bermaksud tabiat Tuhan yang terdiri daripada tiga oknum/personaliti yang mempunyai taraf kedudukan yang sama iaitu Tuhan Bapa (God The Father), Tuhan Anak (God The Son) dan Tuhan Ruhul Qudus (God The Holy Spirit). Tuhan Bapa adalah Pencipta dan berhubung rapat dengan Tuhan Anak sebagai penebus dosa dan berhubung rapat dengan Tuhan Ruhul Qudus sebagai pembersih jiwa (kesucian).¹²

Kenyataan tersebut mengertikan tentang ketiga-tiga oknum atau personaliti tersebut saling melengkapkan dan bersatu di dalam satu zat

¹¹Ia dilihat dari dimensi kepercayaan agama Kristian keseluruhan berasaskan ajaran gereja dan bible yang diiktiraf oleh agama Kristian. Bukannya dilihat dari aspek kepercayaan pelbagai mazhab seperti Katholik dan pecahannya dan Protestant serta pecahannya. Bagaimanapun, mazhab Katholik dan Protestant ini turut mempercayai trinitas. Hanya pentafsiran mereka agak berbeza tetapi tidak menjejaskan konsep trinitas itu.

¹²Penulis tidak dapat menemui buku sebenar karya Dr. Joseph Post yang menghuraikan hal tersebut. Kenyataan beliau, penulis petik daripada J.D. Douglas, "The Holy Trinity", *The New Bible & Dictionary Bible*, The Inter-Varsity Fellowship, London, May 1962, h. 789.

Tuhan. Ketiga-tiga oknum itu mempunyai fungsi yang sama sebagai Tuhan tetapi berbeza dari sudut pelaksanaan.

Sehubungan dengan itu, penganut Kristian meyakini kesatuan Tuhan yang terdiri dari Jesus sebagai Tuhan Anak yang bertindak sebagai penebus dosa warisan melalui pensaliban dirinya, *Holy Spirit* sebagai Tuhan yang bertindak sebagai pembimbing Jesus dan pembersih jiwa manusia melalui kepercayaan tentang kesucian pensaliban tersebut dan Tuhan sebagai Tuhan Bapa yang berkuasa mencipta kedua-duanya sebagai tanda kasih Tuhan kepada makhluk-Nya dengan pembebasan dari memikul dosa warisan berterusan. Oleh itu kekuasaan sepenuhnya terletak di tangan Tuhan Pencipta (Bapa) yang satu. Ini bererti trinitas ini mengarahkan penganutnya meyakini rububiyah Tuhan yang satu.

Menurut Ludwig Feuerbach, doktrin trinitas yang menjadi tunggak akidah Krisitan kini merupakan kepercayaan yang abstrak dan misteri kerana sukar dirungkaikan dengan tuntas. Hanya penganut Kristian sahaja yang memahami kesucian dan maksud sebenar trinitas akan meyakinkannya tanpa berbelahbagi. Tambah beliau lagi, agama Kristian meyakini trinitas sebagai akidah mereka kerana ketiga-tiga oknum trinitas menggambarkan kesucian, keintelektualan, kasih-sayang dan kecintaan. Oleh itu, penganut Kristian menyalurkan segala kehidupannya kepada Tuhan yang satu dengan meyakini trinitas agar kehidupan mereka sentiasa dinaungi dengan unsur-unsur tersebut.¹³

Kenyataan tersebut bermaksud ketiga-tiga oknum itu adalah Tuhan yang penyayang, bijak, berkuasa dan berperasaan. Sifat-sifat Tuhan ini turut dimiliki oleh manusia. Ini bererti sekiranya Tuhan tidak memiliki sifat-sifat tersebut, manusia turut juga tidak memilikinya. Perkongsian sifat ini akan mewujudkan hubungan yang erat antara Tuhan dan manusia yang dilingkungi kasih sayang. Kasih sayang Tuhan disalurkan kepada Tuhan Anak yang dicipta sebagai penebus dosa warisan dan turut mengorbankan

¹³Ludwig Feuerbach (Translated by) George Eliot, *The Essence of Christianity*, Prometheus Books, New York, 1989, h. 65 (Teks asal dalam Bahasa Latin).

dirinya melalui pensaliban sebagai bukti kasih sayangnya kepada manusia. Tuhan *Holy Spirit* pula bertindak sebagai pembersih jiwa melimpahkan kurniaannya dengan memberi pengetahuan dan mewujudkan kasih sayang sesama manusia dengan menghapuskan dosa-dosa dan membersihkan jiwa yang kotor melalui upacara pembaptisan. Manusia pula membuktikan kasih sayang mereka dengan mematuhi ajaran agama melalui keyakinan terhadap doktrin trinititi sebagai Tuhan yang sentiasa menaungi hidup mereka.

Perkara ini menjelaskan hubungan antara manusia dan Tuhan adalah hubungan keagamaan dan kejiwaan. Keyakinan penganut-penganut Kristian terhadap doktrin trinititi itu mendekatkan lagi mereka dengan kesatuan Tuhan iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Ruhul Qudus yang menjurus ke arah keyakinan terhadap Tuhan yang satu. Hubungan antara manusia dengan Tuhan yang begitu intim inilah yang terus mendorong penganut-penganut Kristian meyakini doktrin trinititi sebagai akidah yang "benar".

Sifat-sifat Tuhan yang dimiliki juga oleh manusia mempunyai keistimewaan yang tersendiri khususnya sifat kasih sayang yang mencetuskan hubungan intim antara Tuhan dan makhluk melalui trinititi. Sifat kebijaksanaan Tuhan adalah hasil kebijaksanaan-Nya sendiri. Begitu juga halnya apabila dikaitkan dengan manusia. Kebijaksanaannya merupakan hasil pemikirannya sendiri tanpa bantuan sesiapa. Tetapi berbeza dengan sifat kasih sayang yang memerlukan "yang lain" untuk dicurahkan. Oleh sebab ini, Tuhan yang penyayang mencurahkan kasih sayang-Nya kepada personaliti yang berbeza daripada diri-Nya tetapi sama dengan diri-Nya sebagai Tuhan.¹⁴ Ekoran daripada ini, wujudlah Tuhan Anak sebagai Penebus Dosa dan Tuhan Bapa sebagai Pencipta.

¹⁴Jesus berbeza dari sudut personaliti kerana ia bukan Tuhan tetapi sama dengan Tuhan Bapa sebagai Tuhan kerana ia dicipta melalui zat Tuhan. Tuhan mencipta Jesus dari zat-Nya kerana seandainya ciptaan-Nya tidak sama sepertinya bererti Tuhan bersifat kekurangan. Ini akan menjejaskan kekuasaan-Nya sebagai Tuhan Pencipta Semesta Alam. Oleh itu Tuhan mencurahkan kasih sayang-Nya kepada zat-Nya juga. Lihat: Ludwig Feuerbach, *Ibid*, h. 67.

Menurut kepercayaan penganut Kristian, Tuhan Anak ini telah dilahirkan oleh seorang dara sunti bernama Mary (Maryam) yang telah tersedia untuk Tuhan. Sepanjang tempoh kehamilannya, beliau sentiasa dipelihara oleh Tuhan dan *Holy Spirit*. Kesucian Mary juga sentiasa terpelihara. Keadaan ini telah melahirkan konsep kepercayaan kepada Kesucian atau Pembersih Jiwa yang kemudiannya mewujudkan Tuhan *Holy Spirit* yang sentiasa menaungi kesucian dan kesejahteraan Mary dan dipercayai telah menampakkan diri semasa pembaptisan Jesus Christ sebagai bukti kasih sayang Tuhan Bapa dan *Holy Spirit*.¹⁵ Kasih sayang ini sentiasa melingkungi kehidupan Jesus Christ yang dipercayai sebagai Tuhan Anak dan Mary, ibunya yang telah tersedia untuk Tuhan. Kasih sayang yang wujud antara mereka berdua adalah kasih sayang sesama manusia. Manakala kasih sayang yang terjalin antara Jesus Christ dengan Tuhan (Tuhan bapa) adalah kasih sayang antara manusia dengan Tuhan. Manakala kasih sayang antara Jesus Christ sebagai Tuhan Anak dengan Tuhan Bapa adalah kasih sayang di antara Tuhan dengan Tuhan. Pengorbanan Jesus Christ pula sebagai bukti kasih sayang Tuhan kepada manusia sebagai pembebasan daripada terus menanggung dosa warisan. Kasih sayang manusia kepada Tuhan pula digambarkan dengan upacara "Santapan Makan Malam Ketuhanan"¹⁶ yang mengibaratkan arak sebagai darah Jesus dan roti sebagai dagingnya dimakan dan bersatu dengan jiwa si pemakan. Ini akan memastikan penganut Kristian menjiwai ajaran Jesus. Hasilnya mengeratkan hubungan yang sedia terjalin antara manusia dan Tuhan melalui kepatuhan terhadap ajaran agama dan meyakini trinititi sebagai akidah yang "suci".

¹⁵Sila lihat *The Holy Bible (New Testament): Gospel Matthew 3: 11-17, Gospel Mark 1: 7-8, Gospel Luke 1: 21-22, Gospel John 1: 33-34.*

¹⁶Pada asalnya, upacara ini merupakan upacara ibadah yang dipraktikkan oleh masyarakat primitif sebagai menyambut ketibaan dewa-dewa yang telah mengurniakan keselamatan hidup manusia. Upacara ini juga merupakan pesta bagi tentera-tentera Rom menyambut kemenangan peperangan. Bagaimanapun upacara Santapan Makan Malam Ketuhanan menurut Kristian merupakan upacara memperingati Santapan Makan Malam terakhir Jesus Christ bersama para pengikut setianya sebelum beliau ditangkap, dibicarakan dan akhirnya dijatuhkan hukuman mati disalib. Kemudian upacara ini lebih merujuk kepada memperingati kematian Tuhan Anak (Jesus Christ) yang telah mengorbankan dirinya semata-mata menyelamatkan umat manusia. Lewis M. Hopfe, *Religions Of The World*, cet. 3, MacMillan Publishing Company Inc., New York, 1983. h. 74.

Lingkungan kasih sayang antara Jesus Christ dengan ibunya, Mary yang sentiasa dinaungi oleh *Holy Spirit* yang kesemuanya hasil ciptaan Tuhan inilah yang telah melahirkan konsep trinititi, iaitu ketiga-tiga oknum yang terdiri daripada Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan *Holy Spirit* telah bersatu dengan satu zat Tuhan membentuk kesatuan Tuhan yang membuka ke arah keyakinan terhadap Tuhan yang satu. Inilah tunggak akidah penganut Kristian keseluruhannya.¹⁷

Menurut Ludwig Feurbach dan disokong oleh W.R. Matthews dan Mircea Eliade, trinititi merupakan satu doktrin yang menjelaskan tentang kewujudan tiga personaliti yang berlainan tetapi tidak berbeza sebagai Tuhan (*Tres personae, but una essentia*).¹⁸ Kenyataan ini bermaksud tiga personaliti iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan *Holy Spirit* yang membentuk kesatuan Tuhan merupakan tiga personaliti yang berlainan tetapi bersatu di dalam satu zat Tuhan. Kepercayaan kepada kesatuan Tuhan ini sahaja dapat membantu penganut Kristian memahami konsep Tuhan yang satu.¹⁹ Ternyata kepercayaan penganut-penganut Kristian ini adalah kepercayaan kepada kesatuan Tuhan yang akan menjurus ke arah Tuhan yang satu.

Konsep kesatuan Tuhan ini boleh diertikan seumpama konsep manusia dan kemanusiaan. Manusia yang memegang personaliti sebagai

¹⁷Ludwig Feuerbach, *op.cit.*, h. 69-72 dan Mircea Eliade, "Trinity", *The Encyclopedia of Religion*, vol. 15, Mac Millan Publishing New York, Company, h. 55.

¹⁸Ludwig Feuerbach, *ibid.*, h. 233, W.R. Matthews, *God In Christian Thought And Experience*, Nisbet & Co. Ltd., London, Sep. 1947, hal. 183 dan Mircea Eliade, "Trinity", *op.cit.*, h. 55.

¹⁹Apa yang dimaksudkan oleh penganut Kristian tentang kesatuan Tuhan adalah gabungan antara ketiga-tiga oknum di dalam satu zat iaitu zat Tuhan. Zat Tuhan adalah satu dan dengan ini kesatuan Tuhan bererti bersatu di dalam satu zat Tuhan - dan dengan ini Tuhan adalah Satu. Meyakini trinititi memudahkan lagi pemahaman mereka tentang Tuhan yang satu. Namun mereka menolak Tuhan adalah Esa (Allah) tanpa menggabungkan kepercayaan trinititi mereka. Pengakuan mereka tentang Tuhan yang satu adalah pengakuan mereka dengan trinititi. Sila lihat: W.R. Matthews, *op.cit.*, h. 188.

bapa, emak dan anak adalah gambaran tentang perbezaan personaliti tersebut iaitu bapa, emak dan anak. Namun mereka adalah manusia dan persamaan yang dapat dilihat di sini ialah "manusia" dan memiliki sifat kemanusiaan. Hanya fungsi mereka yang berlainan iaitu bapa, emak dan anak namun mereka tetap terdiri daripada unsur yang sama iaitu manusia. Hubungan yang terjalin antara mereka adalah hubungan kemanusiaan walaupun berbeza dari sudut pelaksanaan tugas atau fungsi.

Konsep ini diterapkan di dalam konsep trinitas yang terdiri dari tiga personaliti yang berbeza iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan *Holy Spirit*, tetapi ketiga-tiganya adalah sama iaitu Tuhan. Sungguhpun Tuhan Bapa adalah Pencipta, manakala Tuhan Anak sebagai Penebus Dosa dan *Holy Spirit* sebagai Pembersih Jiwa tidak menjejaskan kedudukan ketiga-tiga personaliti sebagai Tuhan. Oleh itu tidak wujud perbezaan hubungan antara ketiga-tiga personaliti tersebut sebagai Tuhan kerana dicipta dari zat Tuhan. Dengan ini kebenaran tiga menjurus satu (Plural to Singular) adalah terserlah. Kerana ketaatan penganut Kristian kepada Jesus Christ (Tuhan Anak) dan *Holy Spirit* (Tuhan Pembersih Jiwa) akan mendekatkan mereka kepada Tuhan yang satu.²⁰

Menurut Marius Victorinus, Tuhan adalah roh, kesempurnaan dan keabadian. Perkataan roh membawa maksud "daripada kehidupan untuk kehidupan dan memberi kehidupan". Oleh itu, roh ini dimiliki secara mutlak oleh ketiga-tiga oknum/personaliti - trinitas - (Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan *Holy Spirit*)²¹.

Kenyataan Marius itu membawa erti bahawa roh yang dimiliki oleh Tuhan (Tuhan Bapa) dinyatakan dengan fungsi-Nya sebagai Pencipta iaitu Pemberi Kehidupan. Tuhan Anak yang berfungsi sebagai Penebus Dosa

²⁰ *Ibid.*, h. 188-190.

²¹ Penulis tidak dapat menemui buku karya asli Marius Victorinus yang ditulis di dalam Bahasa Latin, Greek. Kenyataan beliau ini penulis petik daripada buku karangan: R.P.C. Hagon, *The Search For The Christian Doctrine Of God The Arian Controversy.*, T & T Clark, Edinburgh, (Copyright). 1988, h. 318.

Warisan Manusia juga turut memberi roh kepada manusia agar hidup bahagia dan bebas daripada belenggu dosa warisan melalui pengorbanannya di tiang salib.

Seterusnya Tuhan *Holy Spirit* yang berfungsi sebagai Pembersih Jiwa turut memberi roh yang suci dan bersih kepada manusia agar terus hidup tanpa memikul dosa setelah melalui upacara “pembaptisan” dan dengan ini hidup mereka sentiasa sejahtera. Ketiga-tiga oknum ini sentiasa menaungi penganut-penganut Kristian yang mematuhi doktrin trinititi. Dengan ketaatan mereka juga akan terus hidup bahagia baik di dunia atau di hari kemudian nanti.²² Jelaslah kewujudan kasih sayang di antara Tuhan dan makhluk sebagai perkara utama untuk terus memberi kehidupan sejahtera di antara Tuhan dan hamba-Nya yang digambarkan melalui doktrin trinititi ini.

Menurut Rev. J.F. De Groot di dalam bukunya *Catholic Teaching*, kepercayaan kepada trinititi adalah kepercayaan kepada tiga personaliti yang berbeza tetapi bersatu di dalam satu zat Tuhan. Kesatuan tiga personaliti ini membentuk doktrin trinititi dalam ajaran agama Krsitian. Walaupun doktrin ini mengandungi tiga personaliti atau oknum namun ketiga-tiganya bersatu di dalam kesatuan Tuhan yang akan bertanggungjawab mendekati penganut Kristian dengan Tuhan yang satu.²³

Untuk memahami konsep dan maksud trinititi ini, beliau mengemukakan prinsip matematik iaitu satu campur satu campur satu menghasilkan tiga ($1 + 1 + 1 = 3$). Kesatuan nombor satu sebanyak tiga kali telah menghasilkan jumlah tiga. Ini bererti jumlah tiga itu terbentuk daripada nombor 1 dan nombor 3 itu asalnya 1.

Konsep ini sama dengan trinititi iaitu Tuhan Bapa + Tuhan Anak + Tuhan *Holy Spirit* = Kesatuan Tuhan. Kesatuan tiga personaliti ini bersatu

²²*Ibid.*, h. 318-319.

²³H. 101.

di dalam satu zat iaitu zat Tuhan. Konsep kesatuan tiga personaliti ini membentuk trinititi. Ini bererti tiga personaliti tersebut berasal daripada zat Tuhan. Oleh itu jelaslah tiga di dalam satu²⁴ dan seterusnya menjurus ke arah yang satu. Ia berbeza dengan konsep esa kerana tidak ada angka sebelum dan selepasnya.

Ternyata, doktrin trinititi adalah ajaran yang membentuk keyakinan kepada tiga personaliti/oknum yang telah bersatu di dalam satu personaliti iaitu ketiga-tiganya berasal daripada satu unsur yang sama - zat Tuhan. Para penganut Kristian begitu berbangga dengan doktrin tersebut kerana keunikan, misteri dan berbezanya ia daripada akidah lain. Mereka percaya dengan mempercayai doktrin trinititi ini membantu mereka memahami konsep Tuhan yang satu dan memupuk kasih sayang di antara sesama penganut Kristian yang mentaati dan menyembah trinititi dan seterusnya mengeratkan jalinan kasih sayang dengan Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan *Holy Spirit*. Dan ketaatan kepada trinititi ini didakwa sebagai suatu jaminan kepada penganut Kristian mengecapi kebahagiaan hidup yang kekal di dalam Kerajaan Tuhan yang satu kelak.

Hakikat Trinititi

Untuk memahami konsep trinititi ini dengan lebih lanjut lagi, huraian setiap personaliti di dalam trinititi dan fungsinya menurut urutan kedudukannya di dalam doktrin tersebut akan dibincangkan.²⁵

²⁴*Ibid.*

²⁵Sebelum ini, penulis hanya menyentuh pandangan sarjana Barat tentang trinititi. Tidak menjelaskan hakikat dan fungsi trinititi sebenar.

a. Tuhan Bapa (God The Father)

Menurut kepercayaan agama Kristian, Tuhan *Yahweh* atau *Yahowa* iaitu Tuhan menurut Bible Perjanjian Lama (Old Testament) yang bererti keamanan sebagaimana yang diakui oleh Bangsa Israil inilah yang dianggap sebagai Tuhan Bapa (God The Father).²⁶

Maksud keamanan itu lebih jelas dengan lahirnya Tuhan Anak sebagai Penebus Dosa Warisan manusia sejagat. Kematian Tuhan Anak di tiang salib adalah untuk membebaskan manusia dan menjamin keamanan dan kesejahteraan mereka. Segalanya ini berlaku kerana sifat Kasih Sayang dan Adilnya Tuhan Bapa yang cintakan keamanan dan justeru itu Tuhan Bapa mengutuskan Tuhan Anak untuk membebaskan manusia. Dengan ini juga kasih sayang terjalin erat di antara Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan manusia (penganut Kristian).²⁷

Menurut kepercayaan agama Kristian, Tuhan Bapa berfungsi sebagai Pencipta, Penjaga dan Petunjuk kepada Alam. Penganut Kristian juga percaya penjagaan dan petunjuk daripada Tuhan Bapa adalah bukti kepada kewujudan-Nya.²⁸

Agama Kristian juga percaya, Tuhan Bapa menjaga makhluk-Nya daripada kezaliman, gangguan syaitan dan penyakit.

²⁶G.H.C. MacGregor And A.C. Purdy, *Jew And Greek: Tutors Unto Christ, The Jewish And Hellenistic Background Of The New Testament*, Charles Scribner's Sons, New York, 1936, h. 366. Clarence H. Benson, *The Triune God*, cet. 3, Evangelical Teacher Training Association, Illinois, 1977, h. 34 dan Lihat juga: *The Holy Bible (New Testament: Epistles Of Paul)*: turut mengajar tentang Tuhan dan keamanan: *Romans 15: 13, Romans 16: 20*.

²⁷Perkara ini turut menjadi pengajaran yang penting kepada penganut Kristian. Sila lihat : *The Holy Bible (New Testament) Epistle Paul To: 1 Corinthians 1 : 18-21, 2 Corinthians 3: 14-17; 4: 18; 5: 11-21, Galactians 5: 1, 1 John 4: 7-16*.

²⁸Clarence H. Benson, *op.cit.*, h. 35.

Tuhan Bapa menjaga keselamatan makhluk-Nya (penganut Kristian) dan menjamin kesejahteraan hidup mereka selagi mereka beriman kepada-Nya dengan mempercayai bahawa pengorbanan Tuhan Anak (Jesus Christ) adalah kebebasan untuk manusia. Kepercayaan mereka terhadap Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan *Holy Spirit* di samping mengerjakan segala syariat agama Kristian khususnya upacara “pembaptisan” dan “Santapan Makan Malam Ketuhanan” menjadikan diri mereka bersatu dengan Tuhan (memahami ajaran Tuhan dengan tuntas). Kesatuan mereka inilah yang akan menjamin kehidupan mereka sentiasa sejahtera dan akan kekal hidup pada hari yang bakal tiba.²⁹ Menurut mereka lagi, petunjuk Tuhan Bapa kepada kebaikan dan kesejahteraan hanya diberi kepada penganut-penganut Kristian yang beriman dengan-Nya dan kesatuan-Nya.³⁰

Menurut kepercayaan agama Kristian lagi, Tuhan Bapa mengurniakan kesejahteraan dan keamanan hidup kepada penganut Kristian yang teguh beriman dengan-Nya melalui kesatuan-Nya dan tidak mengurniakan kebaikan kepada yang engkar dengan Tuhan Bapa dan kesatuan Tuhan (Tuhan Anak dan *Holy Spirit*)³¹ Tuhan Bapa berkuasa kepada semua makhluk dan segala-galanya. Tegasnya, Tuhan Bapa adalah personaliti yang paling dominan di dalam trinititi. Oleh kerana itu Tuhan Bapa diletakkan di tempat yang pertama di dalam susunan trinititi. Apatah lagi melalui Tuhan Bapa jugalah, Tuhan Anak dan Tuhan *Holy Spirit* tercipta sebagai bukti kasih sayang Tuhan Bapa kepada manusia yang akan

²⁹Sila lihat Clarence H. Benson, *op.cit.*, h. 35-36 *The Holy Bible (New Testament): Epistles Of Paul* khususnya di dalam: *1 Corinthians* 21, *Colossians* 2: 11-13, *Ephesians* 4: 1-6.

³⁰*Ibid.*, Lihat juga *The Holy Bible (New Testament): Revelation* 7: 9-12.

³¹Clarence H. Benson, *op.cit.*, Anthony A. Hockema, *The Four Major Cults*, Michigan, 1992, h. 189, *The Holy Bible (New Testament: Revelation* 18: 1-21.

menjuruskan mereka kepada mempercayai Tuhan yang satu (Tuhan Bapa).³²

b. Tuhan Anak (God The Son)

Menurut kepercayaan agama Kristian, Tuhan Anak merupakan personaliti oknum kedua di dalam susunan trinititi. Tuhan Anak yang dimaksudkan ini ialah Jesus Christ. Orang-orang Kristian percaya bahawa Tuhan Anak (Jesus Christ) ini mempunyai hubungan yang rapat dan mendalam dengan Tuhan Bapa dan mempunyai taraf dan kedudukan kekal seperti Tuhan Bapa.³³

Penganut-penganut Kristian mempercayai bahawa setiap umat manusia di dunia dihubungkan dengan Tuhan melalui kepercayaan mereka kepada Jesus Christ yang merupakan penyelamat manusia sejagat daripada terus memikul dosa warisan. Mereka juga turut menjalinkan hubungan yang erat dengan Tuhan sebagaimana hubungan anak dengan Tuhan Bapa melalui kepercayaan tersebut.³⁴

Menurut kepercayaan Kristian, Tuhan Anak berfungsi sebagai penyelamat dan penebus dosa warisan umat Kristian. Jesus Christ telah mengorbankan dirinya dengan mati disalib sebagai bukti kasih sayang Tuhan Bapa dan Tuhan Anak kepada manusia yang mempercayai pengorbanan Tuhan Anak adalah untuk membebaskan mereka daripada dosa warisan. Melalui pensaliban tersebut juga adalah untuk mengembalikan ke jalan yang benar dan

³²Clarence H. Benson, *op.cit.*, Anthony A. Hoekema, *op.cit.*, Lihat juga: *The Holy Bible (Old Testament)* 2 Timothy 1: 13-14.

³³Robin Keeley (Ed), *op.cit.*, h. 159-160. Lihat juga: *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul to Ephesians* 1: 3-14, 2: 4-10, 21-22.

³⁴Watchtower Bible And Tract Society of Pennysylvania, *Insight On The Scriptures*, Vol. 22, Watchtower Bible And Tract Society, New York, 1988, h. 998.

diredai oleh Tuhan Bapa (Tuhan yang satu).³⁵ Melalui kepercayaan dengan pensaliban Jesus Christ (Tuhan Anak), para penganut Kristian akan memperoleh kebebasan untuk menghadapi Tuhan yang satu iaitu Tuhan Bapa dengan penuh keyakinan di hari kemudian nanti.³⁶

Menurut kepercayaan agama Kristian lagi, kehadiran Jesus Christ adalah memenuhi kerasulan yang telah tercatat di dalam Bible Perjanjian Lama.³⁷

Menurut penganut Kristian, kedatangan Jesus Christ adalah sebagai pembina dan pemimpin kerajaan Tuhan di dunia yang akan kekal selama-lamanya.³⁸ Selain daripada itu, Tuhan Anak juga berperanan sebagai penghubung antara Tuhan Bapa dan penganut Kristian. Orang-orang Kristian yang mempercayai Tuhan Anak (Jesus Christ) mengorbankan dirinya dengan mati disalib sebagai membebaskan penganut Kristian daripada belenggu dosa warisan akan dapat menjalinkan hubungan yang erat dengan Tuhan yang satu (Tuhan Bapa). Bahkan Tuhan Anak bertanggungjawab

³⁵Sila lihat Anthony A. Hoekema, *op.cit.*, h. 53, 112, 196, 270, *The Holy Bible (New Testament) Epistles Of Paul* khususnya: *Galatians* 1-12, *Ephesians* 1: 6-12, 2: 1-22.

³⁶Anthony A. Hoekema, *op.cit.*, *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul To Ephesians* 3: 1-13.

³⁷Dalam *Bible Perjanjian Lama* dan disebut al-Masih/Messiah dalam *Bible Perjanjian Baru* sebagai rasul yang dinantikan dan bakal menerangi kegelapan hidup manusia dengan membawa ajaran yang diredai Allah. Walaubagaimanapun, orang-orang Yahudi tidak mempercayai Isa al-Masih sebagai "al-Masih" tersebut. Al-Masih/Messiah itu bermaksud Juruselamat. Lihat *The Holy Bible (New Testament): John* 1: 40-42.

Tetapi menurut *Bible Barnaba*, al-Masih yang dinantikan itu sebenarnya Nabi Muhammad. Sila lihat *Bible Barnaba: (Terjemahan Fauzi Hj. Awang)*, cet. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1979, h. 192, 223 dan 264.

³⁸*The Holy Bible (New Testament): Luke* 1: 29-33, *Epistles Of Paul To: Ephesians* 1: 10.

merapatkan jurang perhubungan antara manusia dengan Tuhan yang satu (Tuhan Bapa).³⁹

Perhubungan yang rapat antara Tuhan Bapa dan Tuhan Anak dengan penganut Kristian ini diperlihatkan melalui upacara "Santapan Makan Malam Ketuhanan" sebagai memperingati pengorbanan Tuhan Anak yang telah mati disalib bertujuan membebaskan dan menyelamatkan manusia (khususnya penganut Kristian) daripada memikul dosa warisan dan membawa mereka bersatu menuju ke jalan yang diredai oleh Tuhan. Pensaliban Tuhan Anak juga membawa keamanan dan kesejahteraan kepada penganut Kristian. Penganut Kristian meraikan santapan malam ketuhanan dengan memakan roti dan meminum arak yang diibaratkan sebagai daging dan darah Jesus Christ. Melalui upacara tersebut, mereka bersatu dengan Jesus dan ajaran-ajarannya. Ini bererti jiwa mereka telah bersatu dengan Tuhan Anak. Kesatuan tubuh mereka dengan Tuhan Anak akan menjamin keselamatan dan keamanan apabila bertemu Tuhan yang satu (Tuhan Bapa) nanti.⁴⁰ Dengan ini hubungan manusia dengan (penganut Kristian) dengan Tuhan yang satu (Tuhan Bapa) menjadi rapat melalui kepercayaan mereka terhadap penyaliban Tuhan Anak sebagai membebaskan dan menyelamatkan mereka. Kesatuan tubuh penganut Kristian dengan Tuhan Anak (Jesus Christ) ini akan menjamin kesejahteraan mereka nanti untuk menghadapi pengadilan Tuhan yang satu.

³⁹John Tully Carmody And Denise Lardner Carmody, *Contemporary Catholic Theology An Introduction*, ct. I, Harper & Row Publishers, San Francisco, 1939, h. 47.

Lihat juga: Rama Shanker Srivasta, *Comparative Religion*, cet. 1, Mushiram Manoharial - Publishing Pvt., Ltd., New Delhi, 1974, h. 96.

⁴⁰Sila lihat Rama Shanker Srivasta, *Ibid.*, *The Holy Bible (New Testament) Epistle Of Paul To: Ephesians 2: 11-12, Hebrews 9: 23-28, 1 Epistle Of John 2: 1-6, Revelation 7: 9-12.*

c. Tuhan Roh (The Holy Spirit/Holy Ghost)

Menurut kepercayaan agama Kristian, *Holy Spirit* adalah personaliti yang ketiga di dalam trinititi. *Holy Spirit* ini merupakan penasihat yang diutuskan oleh tuhan Bapa kepada Tuhan Anak (Jesus Christ).⁴¹

Sebagaimana yang terdapat di dalam *Gospel-gospel*, *Holy Spirit* ini biasanya digambarkan sebagai seekor burung merpati yang merupakan lambang keamanan dan kesucian.⁴² Ini bersesuaian dengan fungsinya sebagai pembersih jiwa yang menaungi penganut Kristian yang mentaati trinititi.

Holy Spirit juga turut digambarkan sebagai angin puting beliung sebagai lambang kekuatan.⁴³ Penganut Kristian yang mempercayai trinititi merupakan umat yang kuat untuk terus berpegang dengan doktrin ini bagi menghadapi keadilan Tuhan yang satu kelak.

Oleh itu *Holy Spirit* berfungsi sebagai pembersih jiwa untuk menjadi pembimbing dan penunjuk kepada gereja dan ahli-ahlinya agar terus mematuhi ajaran Kristian dan meyakini trinititi akidah yang "absah".

⁴¹Jesus Christ telah menggelarkan *Holy Spirit* sebagai penasihat beliau. Sila lihat *The Holy Bible (New Testament): Luke 4: 18-19*.

⁴²*The Holy Bible (New Testament): Matthew 3: 16-17 Mark 1: 10, Luke 3: 21-22, John 1: 33* dan lihat juga: Leon L. Bram (Ed), *Fund And Wagnalls New Encyclopedia*, vol. 13, Fun & Wagnalls, USA, t.t. h. 166.

⁴³Leon L. Bram, *Ibid* dan *The Holy Bible (New Testament): Acts: 2: 1-4*.

Menurut kepercayaan Kristian, *Holy Spirit* ini bersatu dan meresap di dalam jiwa setiap penganut Kristian semasa upacara "pembaptisan" dilakukan untuk membersihkan dan menghapuskan dosa dan kekotoran jiwa. *Holy Spirit* yang telah bersatu dengan jiwa mereka ini akan membimbing penganut Kristian untuk terus menghayati kebenaran ajaran agama Kristian dan memahami hakikat kasih sayang yang terjalin di antara Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan *Holy Spirit* dengan setiap penganut Kristian. Kesatuan *Holy Spirit* dapat memastikan kehidupan para penganut Kristian sentiasa di dalam keamanan dan jiwa yang bersih.⁴⁴ Manakala jiwa penganut Kristian yang telah bersatu dengan *Holy Spirit* akan sentiasa membela "kebenaran" ajaran agama Kristian.⁴⁵

Kesatuan *Holy Spirit* di dalam jiwa penganut Kristian itu membawa pengertian bahawa roh Tuhan telah bersatu di dalam jiwa mereka. Kasih sayang Tuhan Bapa dan Tuhan Anak turut bersatu di dalam jiwa mereka kerana keyakinan penganut Kristian terhadap penyaliban Jesus (Tuhan Anak) yang mematuhi perintah Tuhan Bapa untuk menyelamatkan manusia. Ini adalah bukti kasih sayang kedua-dua Tuhan (Tuhan Bapa dan Tuhan Anak) untuk menyelamatkan dan membawa penganut Kristian ke jalan yang benar. Oleh kerana itu, keimanan penganut Kristian terhadap doktrin trinititi membuktikan kasih sayang mereka kepada Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan *Holy Spirit*.⁴⁶ Dan ketaatan penganut Kristian kepada setiap oknum di dalam doktrin trinititi ini tidak boleh dipisahkan kerana ketiga-tiga oknum itu saling berkait rapat dan berpadu di dalam satu zat. Seandainya penganut Kristian mengengkari salah satu daripada tiga oknum di dalam trinititi, mereka tidak mendapat jaminan hidup yang aman, kekal

⁴⁴*The Holy Bible (New Testament): 1 John 3: 19-24.*

⁴⁵*The Holy Bible (New Testament): 1 John 4: 1-3.*

⁴⁶W.R. Matthews, *Studies In Christian Philosophy (Being The Boyle Lecture 1920, ct. 1, Macmillan And Co. Limited, St. Martin's Street, London, 1921, h. 55 dan lihat juga The Holy Bible (New Testament): Epistle: 1 John 3: 19-24; 4: 7-21.*

dan sukar memahami konsep Tuhan yang satu dan tidak berpeluang untuk diadili secara saksama di kemudian hari kelak oleh Tuhan.⁴⁷

Menurut kepercayaan agama Kristian, kasih sayang yang telah bersatu di dalam jiwa setiap penganut Kristian merupakan bekal keberanian kepada mereka untuk menghadapi hari pengadilan kelak. Mereka tidak akan berasa takut untuk menghadapi hari tersebut kerana yakin jiwa dan kehidupan mereka telah sempurna kerana beriman dan menunjukkan kasih sayang yang mendalam kepada Tuhan Anak dengan meyakinkannya sebagai penyelamat umat manusia. Ini juga bererti mereka turut yakin dan beriman dengan Tuhan Bapa yang Penyayang mengutuskan Tuhan Anak sebagai penyelamat mereka. Keyakinan dan kasih sayang mereka kepada Tuhan Bapa dan Tuhan anak membuktikan mereka taat kepada ajaran dan perintah Tuhan dengan bimbingan *Holy Spirit*. Oleh kerana itu, ternyata keimanan mereka kepada doktrin trinitie menjamin kehidupan setiap penganut agama Kristian di dunia dan di hari kemudian nanti,⁴⁸ sebagaimana yang dipercayai oleh agama Kristian kini dan kepercayaan tersebut tidak boleh dipisahkan di antara satu oknum dengan yang lain kerana ketaatan kepada trinitie adalah satu-satunya cara untuk mendekati diri kepada Tuhan yang satu.

Ulasan

Berasaskan perbincangan tersebut, agak jelas bahawa para penganut Kristian mempercayai Tuhan yang satu melalui kepercayaan kepada trinitie. Dengan ini bererti agama Kristian mempercayai Tuhan yang satu dan bukannya mempercayai "tiga Tuhan secara mutlak". Bagaimanapun menurut Kristian, konsep kepercayaan kepada Tuhan yang satu ini berbeza dengan konsep kepercayaan kepada Allah Yang Esa. Apabila menyebut Tuhan yang satu, ianya membawa maksud wujudnya dua, tiga, empat dan seterusnya. Bagaimanapun agama Kristian membataskan kepada tiga

⁴⁷W.R. Matthews: *Ibid*, h. 55.

⁴⁸Sila lihat *The Holy Bible (New Testament)*: 1 John 4: 7-21, 5:1-21.

berasaskan kepada matlamat Jesus Christ dicipta dan dinaungi oleh *Holy Spirit* bagi mencapai misi menyelamatkan manusia dan mewujudkan kasih sayang yang intim antara makhluk semasa makhluk dan makhluk sesama Tuhan iaitu merujuk kepercayaan kepada Jesus sebagai Tuhan Anak dan *Holy Spirit* sebagai Tuhan pembimbing Jesus dan berkongsi sebagai rakan Tuhan Bapa yang membentuk kesatuan Tuhan.

Trinititi menurut agama Kristian tidak dianggap mengandungi unsur-unsur "syirik" yang bermaksud penganut Kristian menyembah "tiga Tuhan secara mutlak". Sebaliknya konsep kesatuan Tuhan (trinity) membawa maksud bahawa agama Kristian meyakini Tuhan yang satu iaitu Tuhan semesta alam yang Agung dan Berkuasa mencipta segala-galanya. Dari aspek peribadatan, kepercayaan Tuhan yang satu ini digambarkan melalui pelaksana-Nya yang telah dipilih untuk memikul tugas berat iaitu penebus dosa warisan - Jesus Christ - dan pembersih jiwa - *Holy Spirit* - yang seterusnya melalui kepercayaan kepada kedua makhluk ini akan mendekatkan penganutnya kepada Tuhan yang satu. Ini kerana trinititi adalah satu-satu cara untuk penganut Kristian mendekatkan diri kepada Tuhan yang satu dan seterusnya hidup kekal abadi bersama di hari kemudian nanti.

Penutup

Agak jelas dari aspek konsep trinititi menurut agama Kristian ini ada tanda-tanda menunjukkan bahawa penganut Kristian mempercayai rububiyah Tuhan. Tentunya semua ini ada hubungkaitnya dengan pengekalan identiti agama ini yang asalnya agama samawi sebagai aspek untuk mewujudkan persamaan dari dimensi asas kepercayaan di antara agama samawi yang lain.

Dan untuk waktu terkini iaitu di antara tahun 1991 dan Disember 1993, gereja Vatican Rom telah membincangkan konsep trinititi ini secara serius dan memutuskan kepercayaan kepada Allah yang esa yang berkonsepkan kepada kepercayaan Islam. Dengan ini boleh dikatakan, agama Kristian telah mulai bertukar corak daripada konsep kesatuan Tuhan

kepada keesaan Allah yang membawa maksud agama ini mulai menyakini uluhiyyah Allah. Bagaimanapun, ianya masih di peringkat perbincangan dan kerana itu masyarakat Kristian secara keseluruhannya masih terus menyakini trinititi. Apa yang jelas di antara konsep Tuhan yang satu dan Allah yang esa ini sama-sama mempercayai Allah - Tuhan semesta alam.